

'Saya bukan Sukarno kecil'

JAKARTA, Rabu — "Saya hanyalah Mahathir yang kecil, bukan Sukarno kecil," kata Perdana Menteri hari ini menolak gelaran 'Sukarno Kecil' yang dijolokkan oleh sebuah majalah antarabangsa.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan wartawan yang meminta komennya mengenai jolokan seperti itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapat tepukan gemuruh apabila beliau berkata di Malaysia beliau hanyalah 'Mahathir yang kecil'.

Majalah *Far Eastern Economic Review*, baru-

baru ini memberikan jolokan 'Sukarno Kecil' kepada Dr Mahathir, kerana lantang bersuara di forum antarabangsa.

Terjemahan rencana dalam sebuah akhbar Indonesia, menyebabkan nama itu bermain di bibir wartawan dan ramai yang mahu tahu reaksi Dr Mahathir kepada jolokan itu.

"Saya tidak terfikir kami mampu mendapatkan tumpuan di sidang kali ini. Ragaimana boleh saya jadikan diri saya sebagai tumpuan di persidangan yang dianjurkan oleh sebuah negara yang mempunyai 180 juta penduduk," katanya.